

AWQAF HOLDINGS BHD

PENYATA KORPORAT 2018



Segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdulillah, terlebih dahulu pihak kami ingin merafa'kan rasa kesyukuran kehadrat Allah SWT di atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, maka AWQAF Holdings Berhad dapat mengharungi tahun 2018 dengan jayanya.

Bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah AWQAF, kepercayaan dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh para Ahli-Ahli bagi melaksanakan agenda Waqaf Korporat® ini akan terus kami galas dengan penuh amanah dan dedikasi. Semoga perjuangan ini disambung oleh generasi kini dan akan datang, meneruskan satu institusi umat yang pada jangka panjang, insya Allah, akan dapat membantu menyelamatkan harta dan aset milik umat.

Dalam pada itu, kami mengalu-alukan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang baru iaitu En. Muhammad Amin Fahmi Solahuddin yang juga memegang jawatan Setiausaha Agung Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) bagi sesi tahun 2019 - 2021. Semoga beliau dapat memberi buah fikiran dan idea segar bagi membawa

AWQAF ke satu aras kecemerlangan baru bagi memartabatkan agenda Waqaf Korporat® bagi umat Islam.

Sesungguhnya, menerusi penerbitan Kenyataan Korporat 2018 ini, sekali lagi, tercapailah hasrat Awqaf Holdings Bhd untuk sentiasa bertindak dengan terbuka, tulus dan telus, menyampaikan segala maklumat berkaitan AWQAF dan perkhidmatannya. Ketelusan ini penting bukan sahaja bagi ahli-ahli dan pelabur di dalam projek AWQAF, malahan juga kepada badan seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan selaku pihak berautoriti yang mentauliahkan status Mutawalli kepada Awqaf Holdings Bhd atas dasar AWQAF sebagai sebuah institusi Waqaf Korporat®, milik umat.

Ketelusan dan maklumat lengkap juga wajib disampaikan kepada masyarakat amnya, supaya masyarakat sendiri dapat menilai prestasi, mengukur pencapaian atau sebaliknya, selain memahami aspirasi dan matlamat perjuangan AWQAF. Masyarakat harus meyakini bahawa kaedah pengurusan dan amalan korporat terbaik yang diamalkan oleh AWQAF berupaya melindungi kepentingan jangka panjang masyarakat amnya dan umat Islam Malaysia khasnya.

DANA DAN KEAHLIAN AWQAF

Alhamdulillah, sejak penubuhannya, pelbagai aktiviti telah AWQAF jalankan bagi memberi pencerahan berkenaan Waqaf Korporat®, termasuk pendedahan dan pendidikan serta dakwah berterusan berhubung manfaat Waqaf Korporat® kepada masyarakat khususnya dan potensi impak besarnya kepada ekonomi negara secara amnya. Kesedaran dan pengetahuan masyarakat telah diterjemahkan dengan penerimaan dana AWQAF terkumpul pada 31 Disember 2018 adalah sebanyak

RM12.87 juta dengan jumlah ahli pewakaf seramai 3,028 ahli. Jumlah dana AWQAF dan ahli terkini sehingga 31 Mei 2019 adalah sebanyak RM12.89 juta dengan ahli pewakaf seramai 3,082 ahli.

Bagi pihak AWQAF, kami bersyukur dan berterima kasih di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan terutama oleh ahli-ahli baru dalam menjayakan himpunan dana wakaf tersebut. Sumbangan-sumbangan ini juga disokong dengan strategi media massa dan promosi bagi meningkatkan lagi imej AWQAF di mata masyarakat, seterusnya mendapat kepercayaan serta sokongan untuk meneruskan agendanya.

Sepanjang tahun kewangan 2018 juga, AWQAF telah terus aktif dalam menjayakan program perkongsian ilmu dan kempen kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat berkenaan Waqaf Korporat®. Pelan bagi meningkatkan hubungan komunikasi antara AWQAF dan para ahli juga telah dilaksanakan secara berperingkat. Iaman web portal ahli yang telah dibangunkan, turut memudahkan pengurusan pendaftaran ahli secara atas talian, selain memangkinkan semua urusan sumbangan wakaf yuran ahli dan sumbangan wakaf tunai lainnya, termasuk sumbangan kepada Tabung khas ZuriatCARE dan EduWAQF, dapat dikendalikan di atas talian. Satu bentuk komunikasi kemaskini (*update*) secara berjadual melalui aplikasi *Whatsapp* juga sedang berjalan selain dari kemaskini komunikasi melalui media sosial *Facebook*.

PROGRAM ZuriatCARE

Tabung ZuriatCARE yang dipertanggungjawab mengendalikan program amal fisiabilillah, terus berjalan dengan aktiviti-aktiviti kesedaran dan pemeliharaan keturunan sepanjang tahun 2018. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah kutipan keseluruhan sumbangan ZuriatCARE adalah sebanyak RM244,382.35 (jumlah sehingga 31 Mei 2019 adalah RM245,122.35). Jumlah agihan dana ZuriatCARE yang telah dibuat sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak RM77,333.00, berbanding RM42,042 sepanjang tahun 2017. Dana ZuriatCARE ini telah digunakan untuk memberi sumbangan dan sokongan kepada beberapa badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif melindungi remaja wanita, terutama yang terlibat dengan masalah anak tidak sah taraf.

ZuriatCARE di bawah pimpinan Pengerusi yang baru iaitu Puan Alia bt. Muhammad Ali, telah pun meneruskan usaha dan kerjasama rapat memberi sokongan kepada NGO-NGO yang aktif dalam melindungi kepentingan zuriat keturunan seperti rumah-rumah perlindungan remaja; Raudhatus Sakinah, Rumah KITA, Darul Wardah, Baitul Ehsan dan Bayt Al-Rahmah. ZuriatCARE juga sedang merancang untuk mengembangkan lagi rangkaian kerjasama rumah perlindungan seperti Rumah Bonda (Selayang), Rumah Kebajikan Nur Hati (Ampang), Pusat Jagaan Nuri (Setapak) dan Baitul Fiqh (rumah transit remaja-remaja yang bermasalah Kuala Lumpur).

Selain itu, ZuriatCARE juga telah bekerjasama dan menaja kumpulan Penyelidik Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai Dr. Nasrudin Subhi untuk membangunkan sebuah Modul

Intervensi ZuriatCARE untuk Ibu Hamil Luar Nikah. Modul ini memberi tumpuan kepada enam aspek utama iaitu kesihatan, kesejahteraan psikologi, sokongan sosial, pendidikan dan keselamatan serta kewangan dan keusahawanan. Modul ini dilihat berupaya untuk membantu pihak yang berkepentingan khasnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan rumah-rumah perlindungan untuk melaksanakan intervensi terhadap ibu-ibu hamil luar nikah.

ZuriatCARE terus melaksanakan program-program kesedaran berbentuk forum dan ceramah. Antara program kesedaran yang telah dilaksanakan adalah penajaan program pentas berbentuk forum yang bertajuk “I Am My Own Hero” yang diadakan ketika program MISFIT 2018 pada 3, 4 dan 5 Ogos 2018 di PWTC, yang membariskan penceramah seperti En. Amin Idris, Datuk Prof. Dr. Muhaya Mohamad, Puan Dayah Bakar, Puan Umi Rose dan ASP Ullfah (PDRM).

ZuriatCARE juga telah mengadakan forum dan sesi perkongsian mengenai kesedaran seksual yang bertajuk “Media Sosial : Perangkap Anak Muda” dan “Sexual Grooming di Media Sosial” sempena Konvensyen Wanita Islam (KONWANIS 2018) pada September 2018 di Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Pada November 2018, ZuriatCARE telah menganjurkan Konvensyen Parenting Inspirasi Jannah yang menampilkan Ustazah Isfadiah Dasuki, Ustaz Zul Ramli M Razali, Datuk Prof. Dr. Muhaya Mohamad, En. Azlan Shah Nabees Khan dan Pengurus ZuriatCARE sendiri, Puan Alia Muhammad Ali. Konvensyen satu hari ini dihadiri seramai lebih 500 orang, telah berjaya memberi kesedaran mengenai pentingnya peranan ibu bapa dalam membentuk peribadi anak-anak yang mulia. Ia juga berkongsi maklumat bersama dengan masyarakat, pelajar-pelajar sekolah, anak-

anak muda khususnya pelajar universiti dalam memimpin mereka mengenai cara bagaimana mengatasi isu-isu sosial yang membimbangkan ini.

Secara keseluruhan, maklum balas yang baik serta menggalakkan telah diterima daripada peserta yang terlibat. ZuriatCARE berhasrat untuk meneruskan program-program ini pada masa akan datang, bagi memastikan program kesedaran seperti ini disampaikan secara berterusan kepada masyarakat secara menyeluruh.

PROGRAM EduWAQF

Pada 29 Jun 2018, AWQAF Holdings Berhad telah menubuhkan tabung kebajikan baru yang dinamakan Tabung Wakaf Khas EduWAQF, yang bermatlamat mengangkat tamadun keilmuan dengan memperkasa institusi-institusi pendidikan melalui kelestarian sumber wakaf. Tabung ini telah dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia selari dengan salah satu matlamat dan tujuan Maqasid Syariah dari telah digariskan oleh Islam iaitu pemeliharaan akal.

Antara aktiviti dan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan 2018 adalah program bantuan secara terus kepada pelajar-pelajar peringkat pendidikan tinggi yang kurang berkeupayaan dari segi kewangan. Pihak EduWAQF dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mengenalpasti beberapa pelajar yang benar-benar kurang berkeupayaan dari segi kewangan ini untuk diberikan bantuan. Sebanyak RM10,000 telah disumbangkan kepada 5 orang pelajar termasuk 2 pelajar bukan Islam (1 berbangsa Cina dan 1 berbangsa India) telah dibantu.

Pihak EduWAQF juga telah bekerjasama dengan pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bagi menjalankan beberapa program dan aktiviti pemerkasaan ilmu dan ketamadunan Islam. Sebanyak RM10,000 telah disumbangkan kepada pihak UNIMAS bagi tujuan tersebut. Pihak Jawatankuasa EduWAQF juga sedang merancang beberapa program berteraskan pendidikan antaranya Perpustakaan Digital Wakaf dan siri penajaan thesis-thesis PhD berimpak tinggi yang berpotensi dikomersilkan yang selari dengan agenda Waqaf Korporat® dan penjanaan kekayaan bagi memartabatkan ekonomi umat.

Selain itu, pihak EduWAQF juga telah memberi sumbangan sebanyak RM3,000 sebagai sebahagian dari perlaksanaan Konvensyen Kepimpinan Mahasiswa IPT di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), sumbangan RM2,000 bagi Dana Projek Turun Dakwah Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan sumbangan RM1,000 sebagai sebahagian perlaksanaan Majlis Graduasi Mahasiswa Malaysia, Universiti Zagazig Mesir.

PEMBANGUNAN PERSADA AWQAF

Inisiatif pelaburan pertama pihak AWQAF adalah membuat pelaburan di dalam industri hartanah dengan pembelian 2.2 ekar tanah di Presint 3 Putrajaya pada 26 March 2015 dari Putrajaya Holdings Sdn. Bhd., bagi projek pembangunan hartanah komersil pertamanya, iaitu Persada AWQAF. Projek unit komersil yang terletak di lokasi strategik berhadapan Masjid Tuanku Mizan Putrajaya, dijangka akan membabitkan nilai kasar pembangunan (GDV) berjumlah RM432 juta.

AWQAF telah sedaya-upaya mendapatkan pembiayaan bagi membangunkan projek ini melalui beberapa institusi kewangan dan agensi kerajaan yang berkaitan, antaranya Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic Bank Berhad, AmBank (M) Berhad, CIMB Bank Berhad, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Lembaga Tabung Haji (melalui TH Properties Sdn Bhd), namun gagal mendapatkan pembiayaan yang telah dipohon dari agensi-agensi berkenaan.

Inisiatif terakhir AWQAF adalah membuat permohonan pembiayaan bersama pihak MBSB Bank Berhad pada bulan April 2018. Beberapa siri pertemuan dan penjelasan telah dibuat kepada pihak MBSB Bank Berhad bagi menjelaskan plan dan struktur AWQAF Holdings Berhad. Walaubagaimanapun permohonan pembiayaan ini telah gagal mendapat sokongan dari pihak MBSB Bank Berhad yang telah menolak permohonan AWQAF secara rasmi pada awal bulan Mei 2019.

Pada 22 Mei 2019, pihak Ahli Lembaga Pengarah AWQAF telah sebulat suara bersetuju bagi menangguhkan inisiatif projek pembangunan Persada AWQAF ini memandangkan kesukaran mendapatkan pembiayaan oleh institusi kewangan dan faktor pasaran industri harta tanah Malaysia yang amat lembab kebelakangan ini. Walaubagaimanapun, AWQAF akan menyemak semula inisiatif ini pada masa akan datang, jika AWQAF telah mempunyai kapasiti bisnes dan keuntungan yang mencukupi bagi menjayakan projek ini. AWQAF akan bertemu pihak Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. yang dijangka akan dibuat pada bulan Jun 2019, bagi memberi taklimat status terkini pembangunan tanah di Presint 3 tersebut.

Pihak AWQAF redha dengan segala ketentuan yang telah terjadi. AWQAF telah merancang, berusaha sedaya-upaya dan sebaik mungkin bagi menjadikan Projek Persada AWQAF ini satu realiti. Namun, perancangan Allah SWT melebihi perancangan manusia, yang mana usaha dan inisiatif AWQAF tidak akan sama sekali berhenti setakat ini. AWQAF telah terus meneroka peluang pelaburan baru dengan beberapa projek baru telah pun berada di dalam pelan dan fasa perlaksanaan.

INISIATIF PELABURAN BARU

Barisan kepimpinan dan pengurusan AWQAF telah pun melaksanakan beberapa inisiatif pelaburan dan projek baru yang mampu memberi impak kewangan yang positif kepada AWQAF. Antara projek-projek pelaburan yang telah dikenalpasti dan sedang di dalam proses gerak kerja adalah Pembangunan Perumahan Wakaf (Waqaf Residence) di atas Lot 6411 Mukim Rasah, Daerah Seremban. Projek ini adalah satu projek kerjasama AWQAF bersama pihak Majlis Agama Negeri Sembilan (MAINS), dan dijangka bakal menjana hasil nilai kasar pembangunan (GDV) sebanyak RM150 juta kepada pihak AWQAF dan MAINS.

Pihak AWQAF juga sedang bekerjasama dengan pihak Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi membangunkan hostel pelajar-pelajar UniSZA dan UMT di atas Lot 20628 Kg Tok Jembal, Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu (GDV – RM200 juta). Antara masalah pihak UniSZA dan UMT adalah kekurangan hostel dan seramai 4,000 pelajar terpaksa menyewa di kawasan-kawasan perumahan yang kurang baik dari segi keselamatan. Dengan inisiatif ini, ia dapat menyelesaikan masalah pihak universiti dan pelajar.

Selain itu, pihak AWQAF juga sedang dalam proses lanjut projek pembangunan Ibu Pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di Dengkil Selangor. Ini adalah salah satu insiatif pertama AWQAF bagi membangunkan projek bersama pihak kerajaan Malaysia. Projek ini bakal menjana hasil nilai kasar pembangunan (GDV) sebanyak RM 870 juta bagi pihak AWQAF.

AWQAF juga telah meneroka beberapa peluang pelaburan dan perniagaan antaranya; bersama pihak USAINS Holding Sdn Bhd, anak syarikat Universiti Sains Malaysia (USM) bagi pelaburan mesin medikal; pelaburan dalam bidang kesihatan bersama pihak World Wellness Sdn Bhd yang diterajui oleh Dato' Dr. Noordin Darus; dan pelaburan bersama Pamarai Sdn Bhd di dalam bidang pengurusan sisa buangan pepejal.

Selain dari potensi dan peluang pelaburan yang telah dibuat, AWQAF telah pun mengadakan inisiatif dan menjalinkan kerjasama bersama pihak Tabung Wakaf Khas Kesihatan (TWKK) yang diketuai oleh Ustaz Najib Khairudin, bagi meneroka saluran bantuan kebajikan sektor kesihatan. Bagi saluran kebajikan ini, AWQAF akan menubuhkan satu tabung kebajikan khas yang baru dinamakan WAQF4Health. Pengagihan tabung WAQF4Health ini akan diuruskan oleh pihak TWKK melalui jaringan pengagihan yang telah sedia ada. Tabung WAQF4Health akan memanfaatkan pengalaman TWKK selama lebih dari 8 tahun dalam pengagihan kebajikan kesihatan ini agar manfaat pengagihan dapat terus sampai kepada golongan sasar.

Pihak AWQAF akan lebih agresif meneroka peluang-peluang pelaburan, menjana pendapatan dan memulakan inisiatif perniagaan baru bagi mengembangkan potensi

dana wakaf yang telah diamanahkan. Seperti yang ahli sedia maklum, salah satu ciri asas Waqaf Korporat® adalah menghimpun dan memelihara sumber (*accumulate & conserve resources*) yang mana ianya dilaksanakan melalui pembahagian keuntungan bersih perniagaan kepada dua bahagian; iaitu 70 peratus daripada keuntungan dilaburkan semula dan 30 peratus disalurkan kepada aktiviti fi sabillillah. Dengan adanya prospek keuntungan daripada pelaburan projek-projek yang disebutkan di atas, sumber dana untuk Tabung Khas ZuriatCARE, EduWAQF dan WAQF4Health dijangka akan meningkat, sekali gus berpotensi memperluaskan impak program fi sabillillah AWQAF untuk manfaat masyarakat.

PENGHARGAAN & PENUTUP

Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami mencatatkan setinggi penghargaan khas kepada semua ahli-ahli AWQAF di atas keyakinan dan kepercayaan terhadap konsep institusi Waqaf Korporat® serta sokongan mereka terhadap institusi AWQAF. Tanpa keyakinan dan kepercayaan ahli-ahli adalah mustahil penubuhan AWQAF dapat direalisasikan sehingga mendapat pengiktirafan sewajarnya, termasuk di peringkat antarabangsa.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada ahli-ahli lembaga pengarah yang telah banyak berjasa menyumbang idea dan keringat khasnya Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali, En. Abdul Mohsein Mohd Shariff, Pn. Azizah Abdul Rahman, Datuk Dr. Mohd Ghazali Md. Noor, Puan Sri Noorzilah Mohammed Ali, En. Muhamad Amin Fahmi Solahuddin dan Setiausaha Syarikat, Puan Norhana Ramli dalam memartabatkan agenda Waqaf Korporat dan AWQAF Holdings Berhad ke peringkat yang lebih tinggi.

Penghargaan juga perlu kami tujukan kepada pihak pengurusan dan warga kerja AWQAF atas dedikasi mereka terhadap usaha mengembangkan agenda Waqaf Korporat® yang diketuai oleh En. Ibrahim Adham Asmail. Sumbangan besar mereka telah memangkinkan AWQAF berjaya mengatasi segala cabaran, halangan dan rintangan, terutama yang sangat mencabar di peringkat awal penubuhannya. Semoga AWQAF akan terus berada di atas landasan yang tepat ke arah pencapaian yang lebih gemilang, insya Allah.

Akhirnya setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli AWQAF di Malaysia dan Antarabangsa, di atas sumbangan, kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada AWQAF dalam memperjuangkan Jihad Bisnes dan agenda Waqaf Korporat®. Kami yakin sokongan padu yang diberikan oleh semua ahli, juga anggota masyarakat amnya disertai irungan doa restu semua, akan memberi kekuatan dan suntikan semangat baru kepada pengurusan AWQAF untuk meneruskan perjuangan.

AWQAF akan memastikan bahawa harta wakaf yang diuruskan dapat menjana hasil dan pendapatan baru dari masa ke semasa. Hasil daripada wakaf itu diharapkan dapat terus berkembang dalam skala yang lebih besar dan dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam khasnya di Malaysia dan umumnya di seluruh dunia.

Kami mengharapkan agar seluruh warga kerja AWQAF dapat memberikan komitmen yang terbaik dan bekerja dalam satu pasukan profesional yang dinamis dan proaktif bagi memastikan AWQAF menjadi salah satu institusi yang bergerak maju dan berdaya saing, memperkasa ekonomi negara dan umat.

Percayalah, kejayaan jangka panjang AWQAF dalam usaha melindungi dan menyelamatkan aset dan harta milik negara dan umat, sekali gus menegakkan keadilan, amat besar makna dan pengertiannya kepada seluruh perjuangan untuk menebus maruah bangsa dan negara serta memartabatkan semula umat Islam dengan memperkasa ekonomi mereka, menegakkan keadilan ekonomi di Malaysia yang telah dirosakkan oleh kerakusan ekstrem dan kezaliman sistem kapitalis global. Marilah kita terus bersama-sama memperjuangkan agenda Waqaf Korporat® untuk kepentingan dan kebajikan ummah. Kami akan meneruskan usaha mempromosikan agenda dan kesedaran Waqaf Korporat® bagi meningkatkan lagi keahlian baru pewakaf dan menambah jumlah sumbangan Wakaf terkumpul bagi AWQAF. Semoga Allah SWT memberkati usaha AWQAF ini.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bagi pihak Lembaga Pengarah Awqaf Holdings Bhd,



TAN SRI SITI SA'DIAH SHEIKH BAKIR

Pengerusi



MOHAMMAD SAHAR MAT DIN

Timbalan Pengerusi